

Apa itu demokrasi tulen?

U.M 11/12/07 M/S 11

Oleh SYAMSYUL FADZLI MAT

APA yang telah terjadi di negara kita sejak kebelakangan ini menunjukkan ada sesuatu yang tidak kena pada pemikiran sebilangan kecil rakyat negara ini yang boleh dianggap sebagai kuman-kuman kecil yang mampu memberi mudarat besar di masa hadapan.

Jika kita lihat di Asia Selatan atau beberapa negara ASEAN yang agak terkebelakang, sebilangan kecil rakyat negara ini bermegah dengan tahap 'demokrasi tulen' negara tersebut, kuasa rakyat mereka dan 'kebebasan bersuara' mereka.

Di sebalik ungkapan-ungkapan politik yang nampak indah itu, tidak tersorok dari pandangan dunia bahawa negara-negara tersebut merupakan halaman perniagaan yang tidak kompetitif dan kerap dijauhi.

Bermula dengan perhimpunan Bersih pada 10 November 2007, diikuti dengan perhimpunan Hindraf pada 25 November 2007, hinggalah perarakan 50 orang peguam dan aktivis kelmarin, masing-masing ingin menunjukkan bahawa hak mereka untuk berhimpun tidak boleh dinafikan oleh pihak kerajaan.

lulu. Di manakah letaknya kematangan berfikir mereka sebagai rakyat Malaysia?

Mereka tidak mewakili keseluruhan rakyat. Mereka tidak layak untuk berhimpun. Mereka tidak mempunyai hak untuk mengganggu gugat urusan harian dan perniagaan orang lain. Periuk nasi orang lain. Paling penting, mereka tidak mempunyai hak untuk menimbulkan rasa tidak senang kepada majoriti besar rakyat negara ini yang benci dengan tindak-tanduk mereka.

Mereka berbangga dengan negara-negara yang dipenuhi dengan golongan yang memprotes di jalanan dengan alasan bahawa demokrasi tulen terdapat di negara-negara tersebut. Mereka menyorokkan fakta bahawa iklim ekonomi di negara tersebut lesu dan kadar pengangguran adalah tinggi justeru mengheret anak-anak muda untuk menyertai aktiviti protes-memprotes di jalanan.

Di negara ini, setiap individu dibebani tanggungjawab untuk bekerja dan menyara keluarga dan ibu bapa. Ramai yang terbabit dalam urusan perniagaan. Trend berhimpun dan berarak bagi menunjukkan tanda protes yang semakin menjadidi-jadi hanya akan melesukan iklim ekonomi di negara ini.



DEMOKRASI dan perpaduan rakyat pelbagai kaum perlu dipertahankan demi masa depan generasi baru Malaysia.

- Gambar hiasan

Tahukah mereka, di sebalik semangat yang tidak bertempat itu, tersemai pada pemikiran anak-anak kecil serta para pelajar di negara ini akan bibit-bibit tidak sihat yang cuba mereka suburkan bagi mewujudkan unjuran yang buruk kepada situasi di negara ini pada masa akan datang.

Memang benar, pada satu ketika ketika negara dijajah, seluruh negara dikejutkan dengan perhimpunan besar-besaran bagi menyemarakkan nasionalisme di kalangan rakyat dalam penentangan ke atas rancangan British untuk mewujudkan Malayan Union.

Tetapi, ia tidak boleh dijadikan perbandingan kerana perhimpunan rakyat negara ini 62 tahun lalu adalah untuk kepentingan rakyat keseluruhannya yang mahu menjadi rakyat sebuah negara yang berdaulat.

Hari ini, perhimpunan diadakan hanya bagi kepentingan parti-parti politik atau pihak-pihak yang bersifat antipemerintah. Lebih buruk, sorakan mereka dibuat di jalanan. Tidak kiralah daripada kalangan yang tidak berpelajaran, golongan terpelajar juga sudah terikut-ikut dengan budaya import ini. Ini benar-benar menyedihkan.

Ini tidak perlu dikaitkan dengan seorang mantan menteri yang semakin dibenci rakyat kerana sikap bermuka-mukanya itu. Yang hendak diperkatakan ialah golongan yang membuntuti beliau dengan cara me-

Menular

Anak-anak kecil dan remaja dari zaman perindustrian di negara ini kehairanan melihat tingkah laku sebilangan kecil rakyat negara ini. Mereka kebanyakannya berpendapat bahawa penyakit yang luar biasa kini telah menular ke dalam negara ini.

Jika golongan terpelajar yang berarak di jalanan ini mampu berfikir, mereka seharusnya dapat membuat rumusan bahawa anak-anak Malaysia, tidak sepatutnya disogok dengan ilmu protes jalanan yang kini secara senyap, mereka cuba semaikan.

Sebahagian besar rakyat Malaysia, membenci perbuatan mereka yang cuba mengimport budaya negara mundur masuk ke negara ini atas alasan demokrasi. Jika ini yang mereka mahukan, ketahuilah bahawa mereka telah menghadirkan awan mendung pada masa depan anak-anak mereka di negara ini.

Malaysia merupakan sebuah negara yang unik dan untuk mempertahankan, mengendalikannya dan mewujudkan satu kesinambungan yang stabil juga memerlukan cara yang unik.

Tetapi, sikap sebilangan kecil rakyat negara ini yang terdiri daripada sekolot-kolot manusia hingga setinggi-tinggi pelajaran

Jika golongan terpelajar yang berarak di jalanan ini mampu berfikir, mereka seharusnya dapat membuat rumusan bahawa anak-anak Malaysia, tidak sepatutnya disogok dengan ilmu protes jalanan yang kini secara senyap, mereka cuba semaikan

yang menuntut kebebasan dan hak yang tidak bertempat telah memberi sirna pada keindahan gubahan kepimpinan, corak pemilihan kerajaan dan cara untuk menyatakan suara dan hasrat di negara ini.

Parlimen negara ini seolah tidak diperlukan lagi. *Check and balance* umpama tidak berguna lagi. Jalan raya dijadikan medan melaung pekikan dan sorakan sehingga mengganggu gugat urusan hidup golongan majoriti senyap di negara ini.

Keamanan dan iklim ekonomi negara ini kerap diidamkan oleh rakyat negara-negara berdemokrasi tulen yang dijadikan contoh oleh pemekik di jalanan ini.

Apa yang dibimbangi nanti ialah apabila tahap kebosanan golongan pro keamanan yang merupakan majoriti besar daripada penduduk negara ini, keluar untuk menentang golongan pro demonstrasi ini dan

konfrontasi mungkin akan berlaku antara keduanya sehingga keadaan menjadi tidak terkawal.

Keadaan ini berlaku di negara-negara 'demokrasi tulen' yang digambarkan oleh sebilangan kecil golongan pro demonstrasi yang mencintai gas pemedih mata dan bom air ini.

Perlu diingat bahawa kucar-kacir yang berlaku di negara 'demokrasi tulen' yang dibanggakan oleh golongan ini tidak lepas dari tangan-tangan tersembunyi yang mengambil peluang untuk mensabotaj ketenteraman dengan pembunuhan dan pengeboman.

Apakah ini yang mereka impikan? Jika benar, mereka tidak layak untuk dikenali sebagai rakyat Malaysia apatah lagi untuk berdemonstrasi dengan menyebut bahawa ia adalah demi masa depan rakyat negara ini.